

19 AUG 1999

PM LAWAT JOHOR SELAMA DUA HARI MULAI 27 OGOS

JOHOR BAHRU, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi selama dua hari ke Johor pada 27 dan 28 Ogos ini, menurut kenyataan Jabatan Penerangan yang dikeluarkan hari ini.

Perdana Menteri dijangka tiba di lapangan terbang Sultan Ismail, Senai pada pukul 5 petang, 27 Ogos. Ketibaan beliau akan disambut oleh perarakan bermotosikal Kumpulan Pemuda Gerak Gempur.

Perdana Menteri kemudiannya akan menghadiri jamuan malam bersama Sultan dan Sultanah Johor di Istana Besar.

Keesokan paginya, Perdana Menteri akan merasmikan majlis menandatangani perjanjian penswastaaan Projek Pembangunan Pesisiran Tanjung Puteri dengan syarikat Hujung Tanah di Hotel Eden Garden, Johor Baharu.

Selepas itu, beliau akan merasmikan majlis pelancaran Universiti Pertemuan di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta merasmikan Makmal MARIN UTM, di Skudai, Johor Baharu.

Pada sebelah petangnya, Perdana Menteri dijadual menutup Kejohanan Badminton Piala Perdana 1999 di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJM), di Jalan Tebrau, Johor Baharu.

Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam di kediaman Menteri Besar di Saujana sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

RAM RHM